

Langkah tingkatkan sistem penyampaian awam

um - 31/3/2007

KUALA LUMPUR 30 Mac - Kerajaan hari ini mengumumkan beberapa penambahbaikan terhadap sistem perkhidmatan awam serta meningkatkan daya saing ekonomi negara, termasuk menyegerakan kelulusan pendaftaran perniagaan kepada 15 minit berbanding proses yang mengambil masa sehari sebelum ini.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Sidek Hassan ketika mengumumkan penambahbaikan itu berkata, langkah tersebut termasuk meluluskan nama syarikat dalam masa sehari berbanding lima hari sebelum ini dan memperbadankan syarikat dalam tempoh sehari berbanding lima hari sebelum ini.

Beliau berkata, menerusi inisiatif yang akan dilaksanakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), perubahan nama syarikat juga kini boleh dilakukan dalam masa sehari berbanding lima hari sebelum ini manakala kelulusan untuk memulakan perniagaan juga boleh dibuat dalam tempoh sehari berbanding lima hari sebelum ini.

Menurutnya, penambahbaikan itu diputuskan pada mesyuarat kedua Pasukan Pugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH), hari ini.

Sidek dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri di sini berkata, pendaftaran gadaian juga boleh dilaksanakan dalam tempoh dua hari berbanding lima hari sebelum ini, pendaftaran surat ikatan amanah dalam tempoh lima hari berbanding 14 hari dan pendaftaran prospektus hanya mengambil masa tiga hari berbanding 14 hari sebelum ini.

Sidek juga berkata, penambahbaikan itu dilaksanakan hasil input agensi kerajaan dan swasta serta pihak lain, bagi memudahkan perniagaan.

Penambahbaikan lain termasuk pembayaran balik cukai terlebih bayar oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi tahun taksiran semasa (2006) tanpa merujuk kepada tahun-tahun taksiran sebelum ini.

Ini bermakna, individu dan syarikat akan menerima pembayaran balik cukai terlebih bayar bagi tahun taksiran 2006 meskipun status pembayaran balik taksiran tahun-tahun sebelum itu belum diselesaikan.

Penyelesaian kes-kes pembayaran balik bagi tahun-tahun sebelum 2006 akan dilakukan secara berasingan, katanya.

- Bernama